

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI IPOH
DALAM KES PENGGULUNGAN SYARIKAT NO.: 28-16-2009
PER: TANAH LANTAS SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 125571-W)

NOTIS JUALAN SECARA TENDER AWAM

Perintah Penggulungan Syarikat telah dibuat pada 12.10.2009. Dengan ini Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Tanah Lantas Sdn Bhd (dalam penggulungan) akan menjual aset yang disenaraikan dalam Jadual secara Tender Awam.

[(A) Harta Tanah]

BIL.	JENIS HARTA	MAKLUMAT HARTA	HARGA RIZAB
1.	Bangunan kedai	(a) No. Lot: 300348 (b) No. Hak Milik: PN 187243 (c) Mukim: Sungai Raya (d) Daerah: Kinta (e) Luas Tanah: 130.00 meter persegi (f) Pegangan: Pajakan 99 tahun berakhir pada 25.05.2096 (g) Kawasan Rizab: Tiada (h) Kategori Kegunaan Tanah: Bangunan (i) Syarat Nyata: Perniagaan – Bangunan Kedai (j) Gadaian/Kaveat: Tiada Alamat Harta/Tempat: 25, Persiaran Seri Raia, Taman Seri Raia, 31300 Kampung Kepayang, Perak	RM 220,000.00

1. Tawaran yang ingin dibuat hendaklah menggunakan surat tawaran di Lampiran G dan dimasukkan ke dalam sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dituliskan dengan **“TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK SYARIKAT TANAH LANTAS SDN BHD (DALAM PENGGULUNGAN)”** pada sudut kiri sebelah atas sampul surat. Surat tawaran tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui pos atau dengan tangan kepada alamat yang berikut:

**Peti Tender Khas,
Jabatan Insolvency Negeri Perak,
Tingkat 1 & 2, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.**

2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan wang deposit dalam bentuk draf bank/wang pos sebanyak 10% daripada harga yang ditawarkan dan hendaklah dibayar atas nama **“Ketua Pengarah Insolvency (No. Insolvency: LC001582/2009)”**.

Tawaran yang tidak disertakan dengan wang deposit atau jumlah wang deposit yang tidak mencukupi akan ditolak.

3 Bagi penawar yang tidak berjaya wang deposit akan dikembalikan tanpa faedah.

4. Sekiranya penawar yang berjaya tidak menjelaskan wang baki (90%) dalam tempoh **Sembilan Puluh (90) hari** dari tarikh pemberitahuan penerimaan tawaran tersebut atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Tanah Lantas Sdn Bhd (dalam penggulungan), maka penjualan ini dianggap terbatal dan wang deposit tersebut tidak akan dikembalikan.

5. Semua penawar dianggap telah memeriksa dan mengetahui keadaan aset tersebut dan penjualan ini secara **keadaan seperti sedia ada (as is where is basis)**.

6. Tunggakan cukai dan caj yang dikenakan sebelum tarikh Perjanjian Jual Beli akan ditanggung oleh Penjual. Segala urusan dan kos pemindahan aset termasuk kos membersihkan premis tersebut ditanggung oleh Pembeli (Penawar) yang berjaya (jika berkenaan).

7. Tawaran akan ditutup pada 24.06.2025, jam 12.00 tengah hari dan tawaran yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan diproses.

8. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Tanah Lantas Sdn Bhd (dalam penggulangan) tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.

9. Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan (Mdl) Ipoh akan mengadakan Hari Lawat Periksa untuk penawar membuat pemeriksaan aset pada ketentuan berikut:

Tarikh : 10.06.2025 (Selasa)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Lokasi : 25, Persiaran Seri Raia

Taman Seri Raia

31300 Kampung Kepayang

Perak

10. Tawaran yang berjaya akan tertakluk kepada terma dan syarat dalam perjanjian yang ditetapkan. Bagi penjualan harta tanah hendaklah mendapat kelulusan pindah milik daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkenaan).

11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Noor Atiqah binti Idris di nombor telefon 05-2409400 atau melalui e-mel atiqah.idris@mdi.gov.my daripada Jabatan Insolvensi Malaysia Negeri Perak.

Bertarikh: 26.05.2025

Penolong Kanan Pegawai Penerima


Jabatan Insolvensi Negeri Perak

b.p. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Tanah Lantas Sdn Bhd (dalam penggulungan)

[Rujukan: LC001582/2009]



GAMBAR ASET UNTUK DIJUAL



25, PERSIARAN SERI RAI
TAMAN SERI RAI
31300 KAMPUNG KEPAYANG
PERAK

**SURAT TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK BANKRAP/SYARIKAT
DIGULUNG/PERTUBUHAN/KESATUAN SEKERJA DIBATALKAN PENDAFTARAN**

Alamat:

[cop pejabat, jika ada]

.....

.....

No. Telefon:

Rujukan Kami:

Tarikh:

Kepada:

Peti Tender Khas,
Jabatan Insolvency Negeri Perak,
Tingkat 1 & 2, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

**Perkara: Tawaran Untuk Membeli Aset Milik Bankrap/Syarikat
Digulung/Pertubuhan/Kesatuan Sekerja Dibatalkan Pendaftaran**

Merujuk kepada perkara di atas, saya/kami menawarkan untuk membeli aset berikut:

Harga Tawaran: RM.....
(Ringgit Malaysia:.....)

2. Bersama-sama ini saya/kami sertakan *Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Ketua Pengarah Insolvency [No. Insolvency]/Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat ..** **(dalam penggulangan)** sebagai deposit iaitu 10% daripada harga tawaran di atas:

- (a) Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos No.:
- (b) Tarikh:
- (c) Amaun: RM..... (Ringgit Malaysia:.....)

Sekian. Terima kasih.

Saya Yang Benar

..... [tanda tangan]

..... [nama penawar]

Nota:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Sila catatkan no. kebangkrapan, nama dan no. kad pengenalan bankrap/no. penggulungan syarikat, nama syarikat dan no. pendaftaran syarikat/nama pertubuhan/kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya di belakang Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos tersebut.